



UiTM@Media **2016**



Siswa Cemerlang



UiTM@Media
2016

Kumpulan Koir UiTM menang tiga anugerah emas di Prague

➔ Pelajar fakulti muzik buktikan keupayaan di pentas antarabangsa

**Zaharah
Othman**

London



Kumpulan Koir Universiti Teknologi MARA (UiTM) memenangi tiga anugerah emas dan satu anugerah istimewa di Pesta Koir Antarabangsa, dikenali sebagai Praga Cantat di Prague, minggu lalu.

Anugerah emas kumpulan koir UiTM itu diperoleh selepas men-

juarai kategori wanita, lelaki serta campuran lelaki dan wanita, selain anugerah istimewa Yayasan Bohuslav Martinu untuk persembahan 'Vzkázání po holubince' (The Dove's Message) oleh penggubah B Martinu.

Kemenangan di Praga Cantat yang sudah diadakan selama 30 tahun itu dicapai selepas muncul juara di Pesta Koir Asia di Bali, tahun lalu, iaitu pesta koir terbesar di Asia.

Di Prague, kumpulan koir yang terdiri daripada 28 penyanyi itu bersaing dengan kumpulan koir dari 26 negara, termasuk yang terbaik dari Itali dan Finland.

Timbalan Dekan Fakulti Muzik



UiTM, Dr Ahmad Rithaudin Md Noor, yang menyaksikan persembahan mereka, berkata kumpulan koir ini baru ditubuhkan dua tahun lalu dan kemenangan di pentas antarabangsa sangat membanggakan UiTM dan Malaysia.

Tunjuk kemahiran

“Saya sungguh bangga kerana mereka berjaya meningkatkan ranking UiTM di persada antarabangsa dan telah mendapat pengiktirafan antarabangsa. Pelajar dari fakulti muzik ini bukan sahaja mengamalkan apa yang mereka belajar tetapi mereka juga menunjukkan kemahiran mereka

berinteraksi dengan dunia luar.

“Inilah yang dikehendaki oleh kementerian,” katanya menerusi temu bual telefon dari Prague.

Orang yang turut rasa bangga ialah konduktor koir berkenaan, Dr Masashi Kishimoto dari negara Jepun, yang telah melatih mereka sejak dua tahun lalu.

Kishimoto berkata, beliau telah melatih mereka dengan lebih 20 lagu termasuk lagu rakyat seperti *Rasa Sayang*, *Suriram* dan *Getaran Jiwa*, selain diselitkan lagu dari Jepun dan Filipina.

Katanya, Kumpulan Koir Wanita telah menambat hati hakim dengan gabungan lagu-lagu, bukan sahaja dari Asia tetapi juga dengan sebuah lagu Sepanyol.

“Penonton sungguh menikmati persembahan mereka,” katanya.

Kishimoto berkata, ketika menyertai tenaga pengajar di Fakulti Muzik, beliau mendapati pelajar sudah bersedia untuk menyanyi dalam koir, namun tiada orang untuk melatih bakat mereka.

“Jadi, saya ditugaskan untuk menubuhkan kumpulan koir,” katanya.

Kumpulan Koir UiTM akan mencatatkan satu lagi acara bersejarah apabila mereka membuat persembahan di sebuah majlis makan tengah hari di Pejabat Bangsa-Bangsa Bersatu di Vienna, Rabu ini.



UiTM Chamber Choir di Pesta Pertandingan Koir Antarabangsa Prague.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

